

TARIKH	28/9/2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	6	RUANGAN	Nejwa

Yang di-Pertuan Agong rai keberangkatan jemaah haji

SELAMAT JALAN. Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan mengucapkan selamat jalan kepada 356 jemaah haji di Kompleks Tabung Haji di Kelana Jaya semalam.

Seri Paduka turut menasihatkan 28,000 jemaah haji dari Malaysia agar sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni sesama jemaah sepanjang menunaikan Rukun Islam kelima itu di Tanah Suci nanti.

"Setiap jemaah perlu mengamalkan sikap bertolak ansur serta saling ingat-mengingati antara satu sama

lain," titah Tuanku Abdul Halim.

Seri Paduka juga meminta jemaah agar menjaga kesihatan kerana mereka perlu berada pada tahap yang terbaik dari segi mental dan fizikal untuk menunaikan ibadat tersebut.

Turut berangkat hadir Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah.

TUANKU ABDUL HALIM (kanan) berkenan menyampaikan cenderamata kepada salah seorang jemaah haji di Kelana Jaya semalam.

